



14 Januari 2020
14 January 2020
P.U. (A) 10

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK
(PENGEQUALIAN) 2020

PESTICIDES (EXEMPTION) ORDER 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 59 Akta Racun MakhluK Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Racun MakhluK Perosak (Pengecualian) 2020**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 15 Januari 2020 hingga 15 Januari 2025.

Pengecualian

2. Menteri mengecualikan mana-mana orang yang menggunakan racun makhluK perosak daripada kehendak untuk menggunakan mengikut penggunaan, sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga di bawah perenggan 53A(1)(b) Akta, yang dinyatakan pada label, tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) penggunaan racun makhluK perosak hendaklah terhad kepada pengawalan Kumbang Merah Palma (*Rhynchophorus ferrugineus* dan *Rhynchophorus vulneratus*) yang merupakan perosak yang terdapat pada tanaman kelapa, palma hiasan dan jenis tanaman palma yang lain; dan

(b) penggunaan racun makhluK perosak hendaklah terhad kepada racun makhluK perosak yang mengandungi perawis aktif mengikut perumusan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(1) <i>Bil.</i>	(2) <i>Perawis Aktif</i>	(3) <i>Perumusan</i>
1.	cypermethrin	pekatan teremulsi (EC)
2.	cypermethrin	emulsi, minyak dalam air (EW)
3.	carbofuran	butir (GR)
4.	imidacloprid	pekatan larut air (SL) atau pekatan ampaian (SC)
5.	lambda-cyhalothrin	pekatan teremulsi (EC)
6.	chlorpyrifos	pekatan teremulsi (EC)
7.	beta-cyfluthrin	pekatan teremulsi (EC)
8.	dinotefuran	serbuk bancuh (WP)
9.	thiamethoxam	pekatan ampaian (SC)

Dibuat 6 Januari 2020
[KP/LA/483/11 Jld. 10; PN(PU2)275/XXII]

DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

PESTICIDES ACT 1974

PESTICIDES (EXEMPTION) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by section 59 of the Pesticides Act 1974 [*Act 149*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Pesticides (Exemption) Order 2020**.

(2) This Order has effect for the period from 15 January 2020 to 15 January 2025.

Exemption

2. The Minister exempts any person who uses pesticides from the requirement to use in accordance with the uses, as approved by the Board under paragraph 53A(1)(b) of the Act, stipulated on the label, subject to the following conditions:

(a) the use of pesticides shall be limited to the control of Red Palm Weevils (*Rhynchophorus ferrugineus* and *Rhynchophorus vulneratus*) which are pests found on coconut plant, ornamental palm and other types of palm plants; and

(b) the use of pesticides shall be limited to pesticides which contain active ingredients according to the formulation, as specified in the Schedule.

SCHEDULE

(1) <i>No.</i>	(2) <i>Active ingredient</i>	(3) <i>Formulation</i>
1.	cypermethrin	emulsifiable concentrate (EC)
2.	cypermethrin	emulsion, oil in water (EW)
3.	carbofuran	granule (GR)
4.	imidacloprid	soluble liquid (SL) or suspension concentrate (SC)
5.	lambda-cyhalothrin	emulsifiable concentrate (EC)
6.	chlorpyrifos	emulsifiable concentrate (EC)
7.	beta-cyfluthrin	emulsifiable concentrate (EC)
8.	dinotefuran	wettable powder (WP)
9.	thiamethoxam	suspension concentrate (SC)

Made 6 January 2020

[KP/LA/483/11]ld. 10; PN(PU2)275/XXII]

DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB
Minister of Agriculture and Agro-based Industry